

**KENYATAAN AKHBAR OLEH  
TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ABDUL KADIR  
B. SHEIKH FADZIR, PRESIDEN  
PARTI IKATAN BANGSA MALAYSIA (IKATAN)  
PADA ISNIN, 8 JUNE 2015**

---

**“PAKATAN RAKYAT” TIDAK BOLEH MENGKHIANATI LEBIH 52% DARI  
JUTAAN RAKYAT YANG MENGUNDI MEREKA .....**”

- (1) **Sudah sampai masanya bagi pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat memikir secara serius sama ada mereka telah mengkhianati harapan dan amanah jutaan rakyat --- lebih dari 52% jumlah pengundi, yang mengundi mereka pada Pilihanraya Umum yang sudah.**
- (2) Adalah jelas majoriti rakyat ingin sangat suatu perubahan Kerajaan sejak Pilihanraya Umum 2013. Jika tidak, bagaimana boleh Pakatan Rakyat memperolehi undi yang begitu besar --- sedangkan mereka tidak mempunyai jentera, media dan kemudahan-kemudahan lain termasuk kewangan yang tidak terhad yang dipunyai oleh pihak lawan.
- (3) Kempen Pakatan Rakyat adalah mereka dapat menubuhkan sebuah Kerajaan yang lebih baik dari Barisan Nasional. Namun demikian, keperibadian dan tingkah laku yang ditunjuk oleh parti-parti Pakatan Rakyat sejak baru-baru ini telah menimbulkan suatu kecurigaan yang sangat tinggi sama ada Pakatan Rakyat benar-benar mampu menubuhkan kerajaan yang sebaik itu. Kian banyak rakyat mula berasa yakin bahawa mereka akan lebih baik kedudukan mereka dibawah kerajaan Barisan Nasional --- walaupun Barisan Nasional telah melakukan begitu banyak kesilapan dan dosa.
- (4) Kata-kata yang tidak perlu yang begitu kesat, kasar dan menyakiti yang dikeluarkan oleh pemimpin-pemimpin Pakatan Rakyat diantara satu sama lain telah memisahkan ramai penyokong-penyokongnya. Sebaliknya keadaan ini tidak pula begitu kelihatan dikalangan 14 buah parti-parti Barisan Nasional sejak sekitar 60 tahun yang berlalu. Kata-kata kesat dan kasar ini pula dilemparkan dengan begitu mudah dan terbuka dan kadangkalanya atas perkara-perkara yang sangat remeh. Sedangkan banyak perkara-perkara tersebut sepatutnya dibincang secara tertutup dalam mesyuarat-mesyuarat pemimpin. Jika pemimpin-pemimpin berkelakuan begitu maka sudah tentulah anak buah akan turut serta dengan kata-kata yang lebih kesat, kasar dan melukakan.
- (5) **Adalah sesuatu yang lumrah bahawa sesebuah negara berbilang kaum, berbilang budaya dan berbilang agama, seperti negara kita ini, memerlukan suatu tahap toleransi yang sangat tinggi diatas perbezaan pendapat dan juga kesediaan kuat untuk bertolak ansur. Pemimpin-pemimpin kita terdahulu telah pun membuka jalan dan memahat cara-cara yang begitu mulia semasa mereka membina dan memerintah negara dahulu dan dalam keadaan-keadaan yang lebih sukar. Dan cara-cara mereka itu begitu berkesan dan telah membawa begitu banyak kebaikan kepada rakyat dan negara.**

- (6) Dalam hubungan ini, ada baiknya kita belajar dari pengalaman dahulu mendiang Perdana Menteri Singapura, Dato' Lee Kuan Yew. Bila ditanya apakah kekesalan beliau yang paling besar dalam karier politik beliau, Lee Kuan Yew menjawab bahawa ianya adalah, semasa Singapura dalam Malaysia, "**BELIAU GAGAL UNTUK MEMAHAMI KEPERIBADIAN (PSYCHE) ORANG MELAYU**". Beliau mahu mengubah begitu banyak dan terlalu cepat dan beliau juga banyak menggunakan kata-kata kesat dan kasar. Ini telah menimbulkan kemarahan orang-orang luarbandar yang biasanya begitu tenang dan mesra.
- (7) Provokasi ini menjolok jutaan orang untuk bersedia "mengamuk" di jalanraya. Tunku, Bapa Malaysia kita, tidak ada pilihan dan membuktikan kebijaksanaannya dengan meminta Singapura meninggalkan Malaysia serta merta. Lee Kuan Yew tidak menjangka keadaan akan sampai ke tahap itu dan apabila menerima berita tersebut beliau menangis. Tetapi ianya sudah terlambat bagi Lee Kuan Yew dan bagi Singapura.
- (8) **NAMUN DEMIKIAN, BAGI PARTI-PARTI PAKATAN RAKYAT, KEADAANNYA MASIH "TIDAK TERLAMBAT"**. Hampir kesemua pemimpin-pemimpin PAS yang memenangi pemilihan semasa Muktamar PAS baru-baru ini telah membuat kenyataan-kenyataan yang menggalakkan. Saya yakin, orang yang mengundi Pakatan Rakyat dalam Pilihanraya yang sudah, dan masih menyokong mereka, ingin sangat agar parti-parti tersebut membuat penyesuaian yang perlu dan cuba mendekati sesama sendiri. Sebagai permulaan mereka harus membuktikan sifat-sifat kenegarawanan, kebijaksanaan dan kesabaran yang tinggi, menghentikan penggunaan kata-kata kasar, kesat dan menyakitkan hati diantara satu dengan lain. Mereka harus membuktikan kekuatan peribadi untuk berjumpa lebih kerap, berbincang dan juga membuktikan kesediaan kuat untuk bertolak ansur sesama mereka. **Mereka harus mempelajari bagaimana pemimpin-pemimpin negara terdahulu melakukannya dan melakukannya secara begitu berkesan.**
- (9) Sebagai permulaan, Ketua Menteri Lim Guan Eng dan Menteri Besar Azmin Ali harus berjiwa besar dan menolak perletakkan jawatan Mat Sabu, dan orang-orang lain yang mengikutinya, dari jawatan-jawatan mereka didalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Negeri Selangor. **PADA PILIHANRAYA 2013 RAKYAT SEMEMANGNYA MENGUNDI UNTUK KERAJAAN PAKATAN RAKYAT DAN BUKANNYA KERAJAAN DAP ATAU PUN KERAJAAN PKR.**
- (11) Terdapat suatu usul PAS yang mahu memberhentikan "**kerjasama politik**" dengan DAP. Usul ini belum diputuskan oleh Majlis Shura PAS dan ini perlu diperjelaskan oleh PAS tentang niatnya sebenar. **Tetapi apa yang sudah pasti adalah PAS masih mahu kekal dalam Pakatan Rakyat.**
- (12) **LEBIH 52% DARI JUTAAN ORANG YANG MENGUNDI PAKATAN RAKYAT DALAM PILIHANRAYA LALU, SUDAH TENTU MENGHARAPKAN AGAR AMANAH DAN HARAPAN MEREKA ITU TIDAK DIKHIANATI DENGAN BEGITU MUDAH SEKALI.**



---

(Tan Sri Datuk Seri Panglima Abdul Kadir b. Sheikh Fadzir)

PRESIDEN

PARTI IKATAN BANGSA-MALAYSIA

(PKATAN)